

# FGV Syarikat Senaraian Awam Pertama Anjur Anugerah Tadbir Urus Korporat

Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) komited untuk terus menerapkan amalan tadbir urus korporat dalam operasi harian sepanjang tahun 2016 bagi menambahbaik imej kumpulan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Zakaria Arshad berkata, FGV ketika ini berdepan dengan persepsi tadbir urus yang agak ketara dan tahun ini menjadi perintis kepada amalan berkenaan secara menyeluruh dalam operasi kumpulan.

"Saya tidak akan berkompromi terhadap sebarang salah laku tadbir urus dan integriti dalam FGV dan ini adalah untuk kepentingan bersama bagi memastikan imej kumpulan terus kukuh di mata pemegang saham dan pelabur.

"Tadbir urus merupakan amalan perlu dilaksanakan bagi menjamin ketelusan operasi dan menghindari daripada mana-mana syarikat daripada terpalit dengan persepsi negatif yang boleh menjejaskan imej," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Anugerah Tadbir Urus Korporat Kumpulan Felda yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali Ibrahim. Turut hadir Pengerusi FGV, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

FGV telah menjadi syarikat senaraian awam pertama menganjurkan Anugerah Tadbir Urus Korporat dalam usaha memacu peningkatan dan perkembangan operasi syarikat di Malaysia.

Dalam anugerah berkenaan, tempat pertama dimenangi Kluster Gula, diikuti Kluster Sawit Hilangan dan Kluster Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan



Perkhidmatan Agro di tempat ketiga.

Anugerah ini bagi memastikan komitmen berterusan Felda dan FGV dalam tadbir urus kumpulan yang cekap, telus dan professional yang memberikan faedah kepada semua pemegang-pemegang saham dan pihak-pihak yang berkepentingan (*stakeholders*). **C**